

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	MEMOHON KELULUSAN BAJET PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOMPLEKS PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH UTARA
TARIKH	:	OKTOBER 2020
TEMPAT	:	MPC WILAYAH UTARA (NRO)
KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN	:	ANGGARAN RM 360,000.00 – TERMASUK 6% SST (UNTUK 2 TAHUN) TEMPOH: 1 MAC 2021 HINGGA 28 FEBRUARI 2023
PEMBEKAL	:	
BAHAGIAN/WILAYAH / UNIT	:	MPC WILAYAH UTARA (NRO)
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	BAJET OPERASI
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	
IMPAK KEPADA RAKYAT	:	MEMASTIKAN KESELAMATAN KESELURUHAN PREMIS MPC, WARGA KERJA DAN PELANGGAN MPC WILAYAH UTARA.

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC**

TAJUK:

**MEMOHON KELULUSAN BAJET PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI
KOMPLEKS PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH UTARA,
DENGAN ANGGARAN KOS RM 360,000.00 UNTUK 2 TAHUN**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi memohon kelulusan spesifikasi dan mengeluarkan sebut harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara serta mendapatkan peruntukan anggaran sebanyak **RM15,000.00 (termasuk 6% SST) sebulan bersamaan RM 180,000.00 setahun dan bersamaan RM 360,000.00 untuk dua (2) tahun.**

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kontrak untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Kompleks MPC Wilayah Utara telah dilaksanakan oleh **Syarikat Kawalan Keselamatan Damai Sdn. Bhd.** dengan bayaran bulanan **RM 13,646.27 (termasuk 6% SST)**. Tempoh lantikan kontraktor sedia ada akan berakhir pada **28 Februari 2021**. Cadangan untuk melantik kontraktor yang bertanggungjawab untuk mengawaselia keselamatan di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara. Ini dapat memastikan keselamatan peralatan/aset dan pelanggan yang menggunakan kemudahan MPC Wilayah Utara akan lebih terjamin. Lantikan baru bermula pada **1 Mac 2021 hingga 28 Februari 2023**.
- 2.2 Melalui kaedah lantikan kontraktor kawalan keselamatan secara kontrak, kawalan keselamatan kawasan persekitaran, warga dan harta benda dapat dijalankan dengan lebih cekap serta pemantauan secara berkala/berjadual oleh pegawai MPC NRO dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

3.0 CADANGAN

3.1 Dicapangkan spesifikasi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Kompleks Perbadanan Produktiviti Malaysia Wilayah Utara. Antara skop kawalan keselamatan yang terlibat dalam kontrak ini ialah:

- a. Kawalan Keselamatan Statik di pondok pengawal tanpa senjata tetapi mempunyai walkie talkie, chotta, wisel dan lampu suluh dan sistem jam untuk 'clocking'.
- b. Rondaan keselamatan di sekitar kompleks bangunan pejabat bagi tempoh 24 jam.
- c. Pemeriksaan pelawat, pembekal, kontraktor, tetamu dan orang awam yang keluar masuk bangunan termasuk memeriksa kenderaan-kenderaan serta mengeluarkan pas pelawat.
- d. Pengawal yang meronda pada syif malam perlu mengunci jam sekuriti di enam (6) lokasi.
- e. Gaji yang perlu dibayar kepada pengawal keselamatan mengikut syarat gaji minima yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.

3.2 Tempoh kontrak adalah untuk 2 tahun. Pihak kontraktor perlu mengawaselia keselamatan kompleks MPC Wilayah Utara seperti yang disenaraikan dalam skop kerja. Pekerja kontraktor yang dilantik mestilah melaksanakan kerja seperti yang dijadualkan.

4.0 SPESIFIKASI

Butiran spesifikasi adalah seperti di **Lampiran A**

5.0 SYOR / PERAKUAN

Diusulkan untuk pertimbangan lanjut Ahli Lembaga Pengurusan MPC (BOM) bagi permohonan bajet dan kelulusan spesifikasi untuk tawaran sebutharga.

	Disediakan Oleh:	Disemak Oleh:	Disokong Oleh:
Tandatangan	<i>Norhayati</i>	<i>Abdul Malek</i>	<i>Mazrina</i>
Nama	Norhayati Harun	Abdul Malek Mohamad Aripin	Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah
Jawatan	Penolong Jurutera	Pengurus Kanan	Pengarah Wilayah
Tarikh	6/10/2020	6/10/2020	6/10/2020

SPESIFIKASI SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOMPLEKS
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC), WILAYAH UTARA

1. Perkhidmatan kawalan keselamatan yang diperlukan adalah seperti berikut:

- (a) Kawalan keselamatan statik di pondok pengawal tanpa senjata, tetapi mempunyai alat perhubungan (**3 walkie-talkie**), wisel, Chotta, lampu suluh, baju hujan dan sistem jam untuk 'clocking' bagi tugas – tugas rondaan yang dibekalkan oleh pihak syarikat.
- (b) Rondaan keselamatan di sekitar kompleks bangunan pejabat bagi tempoh 24 jam sehari, setiap **2 jam sekali waktu siang** dan **1 jam sekali waktu malam** dan hendaklah mencatatkannya di dalam Buku Rondaan yang disediakan serta memasang Sistem Penggera mengikut masa yang telah ditetapkan.

Hari	Pengawal / Rondaan	Sistem Penggera
Bekerja (7:00 pagi – 7:00 malam)	2 Pengawal / 2 jam sekali	Tutup
Bekerja (7:00 malam – 7:00 pagi)	3 Pengawal / 1 jam sekali	Berfungsi
Kelepasan Am, Sabtu & Ahad (7:00 pagi – 7:00 malam)	3 Pengawal / 1 jam sekali	
Kelepasan Am, Sabtu & Ahad (7:00 malam-7:00 pagi)	3 Pengawal / 1 jam sekali	

- (c) Pemeriksaan pelawat, pembekal, kontraktor, tetamu dan orang awam yang keluar masuk bangunan termasuk memeriksa kenderaan-kenderaan serta mengeluarkan pas pelawat.
- (d) Membuat pemeriksaan dan merekod semua kenderaan di laluan masuk selepas jam 7:00 petang/hujung minggu/hari kelepasan umum.
- (e) Memeriksa kenderaan yang keluar masuk dan memastikan tiada barangan milik MPC dan hasil tanaman dikeluarkan daripada premis MPC tanpa kebenaran pihak pengurusan MPC.
- (f) Menyediakan jadual bertugas, laporan harian/bulanan dan buku keluar/masuk kenderaan, buku pelawat (jika berkaitan) untuk catatan pengawal yang sentiasa dikemaskini dan diisi dengan lengkap dan teratur untuk semakan dan pengesahan pegawai MPC atau wakil yang diberi kuasa.
- (g) Segala peralatan seperti alat tulis, buku rekod dan borang-borang berkaitan hendaklah disediakan oleh pembekal yang dipilih.
- (h) Pembekal dikehendaki melantik seorang penyelia untuk mengawasi kerja-kerja yang dijadualkan dan membuat lawatan/pemeriksaan bagi memastikan mutu perkhidmatan kawalan keselamatan dan tatatertib pengawal keselamatan sentiasa berada pada tahap yang memuaskan.
- (i) Penyelia perlu memberi laporan keselamatan kepada Pegawai MPC atau wakilnya sekurang-kurangnya satu (1) bulan sekali.

- (j) Pembekal perlu memastikan pondok keselamatan berada dalam keadaan bersih dan tiada peralatan yang tidak dibenarkan oleh kerajaan disimpan. Hanya pegawai keselamatan yang bertugas sahaja yang dibenarkan berada di pondok pengawal.
- (k) Menjaga dan mengawal sepenuhnya sistem pengurusan pentadbiran dan pengawalan kunci-kunci yang terdapat di MPC Wilayah Utara termasuk sistem pemberian dan pemulangan kunci-kunci tersebut kepada warga atau pihak-pihak yang dibenarkan sahaja. Penyerahan dan pemulangan kunci hendaklah direkodkan.
- (l) Sepanjang tempoh perkhidmatan, pembekal perlu menanggung kerugian seperti kehilangan, kerosakan harta atau kecederaan diri yang berpunca daripada tindakan, kecuai atau ketidakjujuran syarikat, Pengawal Keselamatan atau mana-mana pekerja syarikat.
- (m) Minima **dua (2)** orang pengawal bertugas pada **syif siang** (seorang meronda dan seorang mengawal di pondok A) pada setiap hari bekerja dan **tiga (3)** orang pengawal pada **syif malam**. Pada **hari Sabtu, Ahad dan hari-hari Kelepasan Am, tiga (3)** orang pengawal bertugas pada **syif siang dan tiga (3)** orang pengawal bertugas pada **syif malam** (seorang mengawal di Pondok A dan seorang di Pondok B serta seorang lagi membuat rondaan serta mengunci jam di 6 lokasi yang telah ditetapkan).
- (n) Tugas dan tanggungjawab pengawal syif siang dan pengawal syif malam diuraikan sebagai perintah Tetap di Lampiran 1.
- (o) Pengawal yang meronda pada **syif malam** perlu mengunci jam sekuriti di enam (6) lokasi seperti di **Lampiran 1A**

2. Ciri-ciri anggota keselamatan yang diperlukan seperti berikut:

- (a) Rakyat tempatan. Warganegara Malaysia.
- (b) Umur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 60 tahun (lelaki & wanita). Sekiranya lebih 60 tahun, surat pengesahan kesihatan daripada doktor (Panel Klinik) yang dilantik oleh MPC perlu disediakan. Segala kos pemeriksaan adalah ditanggung oleh pihak syarikat.
- (c) Berpakaian seragam yang lengkap dan kemas, berkasut kulit hitam dan memakai kad pekerja yang disediakan oleh pihak syarikat semasa bertugas.
- (d) Menjalani kursus keselamatan (disertakan bukti)
- (e) Sijil Tapisan Keselamatan bagi setiap pengawal.(salinan sijil)
- (f) Tempoh bertugas tidak kurang dari 12 jam bagi seorang anggota bagi setiap giliran/syif. (0700hr-1900hr-0700hr)
- (g) Boleh berkomunikasi, bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia.
- (h) Mempunyai latar belakang yang baik (tiada rekod jenayah).
- (i) Fizikal 5'4" tinggi, mempunyai penglihatan yang baik dan tidak cacat anggota.
- (j) Tahu menggunakan alat pencegahan kebakaran dan pertolongan cemas.
- (k) Butiran peribadi secara terperinci setiap pengawal yang bertugas (termasuk gambar) hendaklah diserahkan kepada pihak MPC bagi tujuan rekod.

3. Tanggungjawab serta Peraturan Kerja

- (a) Menjaga keselamatan semua harta milik MPC Wilayah Utara dan menjaga keselamatan warga dan orang awam yang berada di dalam bangunan atau kawasan MPC Wilayah Utara.
- (b) Melaksanakan prosedur keselamatan (SOP Covid-19) seperti saringan suhu dan gejala ke atas pekerja dan pelawat MPC di pintu masuk, pemakaian pelitup muka dan memastikan pelawat *check-in* menggunakan aplikasi MySejahtera. Mereka yang bergejala tidak dibenarkan masuk ke premis MPC.
- (c) Melaporkan dengan segera secara lisan diikuti dengan catatan pada buku laporan mengenai kerosakan, kehilangan (kecurian) atau apa-apa perkara yang difikirkan boleh mendatangkan mudarat atau tidak diingini kepada pegawai MPC.
- (d) Pengawal adalah dilarang membawa keluar barangan milik MPC atau hasil tanaman tanpa kebenaran daripada pihak pengurusan MPC.
- (e) Menghormati semua kakitangan dan warga yang bertugas di MPC serta orang awam dan sentiasa bersopan dan tertib semasa bertugas.
- (f) Pengawal keselamatan perlu disiplin, peka, jujur serta memberi perkhidmatan secara profesional. Tidak dibenarkan merokok dan tidur semasa bertugas.
- (g) Kedatangan harian pekerja mestilah direkodkan menggunakan sistem *punch card*. Dilarang sama sekali mengetik kad perakam waktu bagi pihak orang lain. Syarikat perlu menyediakan mesin *punch card* untuk kegunaan pekerja.
- (h) MPC Pejabat Wilayah Utara tidak sekali-kali membenarkan pekerja-pekerja yang ditugaskan di pejabat ini bertugas di tempat yang lain pada waktu yang sama.
- (i) Menjaga imej MPC pada setiap masa melalui khidmat kawalan keselamatan yang disediakan dengan mutu perkhidmatan yang cemerlang. MPC berhak meminta pembekal untuk menamatkan perkhidmatan mana-mana pengawal keselamatan yang cuai, tidak amanah, tidak disiplin dan digantikan dengan pengawal baharu.
- (j) Pembekal bertanggungjawab untuk memberi teguran dan amaran sekiranya mendapati anggota pekerjaanya cuai ketika menjalankan tugas.
- (k) Pembekal perlu memaklumkan kepada pihak pengurusan MPC Pejabat Wilayah Utara secara bertulis mengenai pertukaran atau pemberhentian pekerja. Bagi calon pekerja yang akan menjadi pengganti, mereka juga terikat dengan syarat berkaitan status pekerja dan perlu mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh pihak pengurusan MPC.
- (l) Membantu pengurusan MPC menguatkuasakan arahan-arahan keselamatan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- (m) Segala bayaran pemprosesan kontrak adalah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat yang berjaya mendapat tawaran.

4. Perwakilan

Bagi maksud kesempurnaan dan kelicinan perjalanan kontrak ini, pembekal hendaklah melantik seorang wakil yang bertanggungjawab menerima sebarang arahan yang akan diberikan kepada wakil oleh MPC dan hendaklah dianggap sebagai telah diberitahu kepada pembekal.

5. Tempoh Kontrak

- (a) Kontrak ini adalah untuk tempoh dua **(2) tahun** iaitu selama 24 bulan.
- (b) Pembekal dilarang sama sekali memberikan kontrak ini atau melantik sub-pembekal bagi semua atau sebahagian dari perkhidmatan berkenaan kepada mana-mana pihak disepanjang tempoh kontrak.
- (c) Tempoh perkhidmatan ini boleh ditamatkan oleh pembekal dengan cara notis bertulis tidak kurang daripada tiga **(3) bulan** dari tarikh perjanjian ini hendak ditamatkan.
- (d) Sungguhpun ada terdapat syarat penamatan perjanjian seperti di atas, MPC adalah berhak sepenuhnya untuk menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya pada hemat MPC perkhidmatan yang diberikan oleh pembekal tidak memuaskan dengan syarat notis hendaklah diberikan tidak kurang dari 24 jam dari tarikh berkuatkuasanya penamatan perjanjian ini.

6. Tempoh Percubaan

Tempoh percubaan adalah **tiga (3) bulan** dari tarikh penerimaan kontrak oleh pihak pembekal. Pihak MPC Wilayah Utara berhak menamatkan kontrak ini dengan memberi sebulan notis bertulis sekiranya didapati pembekal tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna.

7. Polisi Insurans

- (a) Sebelum memulakan kerja, pembekal yang berjaya dikehendaki mengambil satu polisi insurans dengan perbelanjaan sendiri daripada syarikat insurans yang diperakui, iaitu **Polisi Insurans Ganti Rugi Pekerja dengan Endorsement A dan B atau skim insurans yang diiktiraf**.
- (b) Polisi insurans ini hendaklah berkuatkuasa sepenuhnya sepanjang tempoh kontrak berjalan atau dalam tempoh lanjutan kontrak jika berkaitan.
- (c) Menyediakan polisi insurans 'Public Indemnity' bagi melindungi MPC Wilayah Utara dari sebarang tuntutan dari pihak luar yang berpunca dari kecuaiian dari pihak pembekal.

8. Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan SOCSO

- (a) Adalah menjadi tanggungjawab pembekal membayar semua caruman yang dikehendaki di bawah ordinan KWSP dan SOCSO bagi semua kakitangan/pekerja yang diambil.
- (b) Pembekal dikehendaki dan bertanggungjawab mematuhi ordinan KWSP dan SOCSO yang sedang berkuatkuasa seperti yang dikanunkan termasuk semua syarat, peraturan dan pindaannya.
- (c) **Gaji yang perlu dibayar kepada pengawal keselamatan hendaklah mengikut syarat gaji minima yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.**

9. Bayaran

- (a) Bayaran akan dibuat secara bulanan. Pada akhir setiap bulan, pembekal dikehendaki mengemukakan bil tuntutan termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (sekiranya ada) bagi tujuan pembayaran beserta dengan laporan bulanan yang disahkan oleh penyelia mengenai kesempurnaan kerja.
- (b) MPC Wilayah Utara berhak untuk memotong sebarang pembayaran sama ada sebahagian atau sepenuhnya dari pembayaran bulanan jika didapati perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan seperti:-
 - i) Anggota keselamatan tidak mematuhi perkara-perkara/kerja-kerja yang perlu dilaksanakan didalam jadual kerja dan skop kerja yang terlibat.
 - ii) Bilangan pekerja tidak disediakan seperti yang diperlukan dan pengawal keselamatan tidak berada pada satu-satu masa.
 - iii) Pengawal Keselamatan tidak menjalankan rondaan dan clocking di tempat-tempat yang telah ditetapkan di bawah perjanjian.
 - iv) Berlakunya kehilangan atau kerosakan harta di premis yang disebabkan oleh kecuaian, kelalaian atau salah laku syarikat atau pengawal keselamatan.
 - v) Peralatan atau kelengkapan yang disediakan oleh syarikat bagi tujuan perkhidmatan kawalan keselamatan di premis tidak disediakan atau tidak berfungsi atau tidak disenggara dengan baik.

LAMPIRAN 1

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOMPLEKS PERBADANAN
PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC), WILAYAH UTARA**

SPESIFIKASI TAMBAHAN

PENGAWAL BERTUGAS / WAKTU RONDAAN


HARI	MASA	PENGAWAL BERTUGAS	CATATAN	SISTEM PENGGERA
Hari Bekerja Biasa	7:00 pagi – 7:00 malam	2 pengawal	Seorang di pondok utama (Pondok A) Seorang meronda	Tutup
	7:00 malam – 7:00 pagi	3 pengawal	Seorang di pondok utama (Pondok A) Seorang meronda	Berfungsi
Cuti (Sabtu & Ahad & Kelepasan Am)	7:00 pagi – 7:00 malam	3 pengawal	Seorang di pondok kedua (belakang) (Pondok B)	
	7:00 malam – 7:00 pagi	3 pengawal		

- Lokasi Pondok A dan B di Lampiran 1B

WAKTU RONDAAN / POINT RONDAAN (6 POINT)

HARI	MASA	CATATAN	Sistem Penggera
Hari Bekerja Biasa	7:00 pagi – 7:00 malam	Setiap 2 jam	Tutup
	7:00 malam – 7:00 pagi	Setiap satu jam	Berfungsi
Cuti (Sabtu & Ahad & Kelepasan Am)	24 jam		

LAMPIRAN 1A



LOKASI PONDOK A DAN PONDOK B

